



**KUPASAN MUTU JAWAPAN**

**PENDIDIKAN MORAL**

**1225/1**

**S P M**

**TAHUN 2012**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

**Kod** : 1225/1  
**Markah** : 100  
**Masa** : 2 jam 30 minit

**REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kertas soalan mengandungi 2 bahagian, A dan B.  
Bahagian A ( 8 soalan struktur) dan Bahagian B ( 3 soalan esei).

Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan di bahagian A dan 2 soalan daripada bahagian B.

Markah bahagian A ialah 80 markah dan markah bahagian B ialah 20 markah.  
Jumlah markah ialah 100.

Konstruk yang diukur ialah :

- Pengetahuan dan kefahaman
- Kemahiran mengaplikasi nilai, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah

**PRESTASI KESELURUHAN**

Calon dapat menulis jawapan dengan cemerlang. Calon dapat menjawab soalan dengan baik kerana menepati kehendak soalan. Hal Ini menunjukkan kematangan calon dalam menyampaikan idea terutama dalam soalan berbentuk KBKK (Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis). Namun begitu, terdapat calon yang gagal menunjukkan kemahiran membaca dan menulis dengan tidak memberi respon kepada soalan atau tidak menjawab soalan tersebut.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Kumpulan Tinggi**

Calon dapat mengemukakan nilai, maksud nilai dan kata kunci nilai dengan mantap. Malahan calon dapat mengaplikasikan nilai berdasarkan situasi dalam soalan dengan tepat. Calon juga dapat menyampaikan idea jawapan KBKK dengan baik dan dapat membuat huraian atau penjelasan kepada jawapan KBKK dengan berkesan dan mantap. Jawapan calon juga menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam perkembangan isu semasa.

**Kumpulan Sederhana**

Calon kumpulan ini kurang menguasai nilai kerana kadangkala nilai yang diberi tidak lengkap atau tidak tepat. Manakala bagi jawapan KBKK pula, calon tidak dapat mengemukakan huraian dan memberi contoh yang baik. Bagi huraian atau penerangan nilai, calon tidak dapat memberi kata kunci dengan baik. Situasi ini menyebabkan jawapan calon tidak mantap dan tidak berkualiti. Calon mempunyai pengetahuan yang sederhana dan kualiti jawapan adalah pada tahap yang memuaskan sahaja.

## Kumpulan Rendah

Mutu jawapan calon amat lemah dan jawapan calon biasanya tersasar daripada situasi soalan. Calon juga tidak tahu nilai dan mereka hanya menyalin soalan semula untuk jawapan mereka. Terdapat juga jawapan yang ditulis tiada kaitan dengan kehendak soalan. Jawapan calon juga sukar difahami dan kabur. Keadaan ini menunjukkan bahawa calon tidak menguasai 2M (menulis dan membaca). Terdapat juga calon yang tidak menjawab soalan tersebut.

## PRESTASI TERPERINCI

### Calon Cemerlang

Calon menguasai nilai dengan menulis nilai yang tepat.

Contoh ;

Peka terhadap isu-isu alam sekitar

Calon menulis nilai yang betul mengikut Sukatan Pelajaran.

Peka terhadap isu-isu semasa.

Nilai yang salah kerana perkataan 'alam sekitar' tidak boleh diganti dengan 'semasa'.

Saling membantu dan bekerjasama.

Calon menulis nilai yang betul mengikut Sukatan Pelajaran.

Saling menghormati dan bekerjasama

Calon menulis nilai yang salah kerana perkataan 'membantu' tidak boleh diganti dengan 'menghormati'.

Calon menguasai definisi atau maksud nilai yang lengkap

Contoh ;

- i. Cinta akan negara

Perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.

Calon menulis definisi atau maksud yang lengkap mengikut Sukatan Pelajaran.

Perasaan cinta kepada negara dengan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.

Calon menulis definisi atau maksud yang tidak tepat kerana mengubah perkataan 'sayang dan bangga' kepada 'cinta'.

Perasaan cinta dan sayang kepada negara serta meletakkan kepentingan diri melebihi kepentingan negara.

Calon menulis definisi atau maksud yang tidak tepat kerana kerana menulis perkataan 'cinta' dan 'meletakkan kepentingan diri melebihi kepentingan negara'.

Perasaan sayang kepada negara.

Calon menulis definisi atau maksud tidak lengkap kerana sebahagian daripada maksud tidak ditulis

ii. Taat setia kepada raja dan negara

kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada raja dan.

Calon menulis definisi atau maksud yang lengkap mengikut Sukatan Pelajaran.

kepatuhan dan kesetiaan kepada raja dan negara

Calon menulis definisi atau maksud yang tidak lengkap kerana menggugurkan perkataan 'berkekalan'.

kesetiaan kepada raja dan negara.

Calon menulis definisi atau maksud yang tidak tepat kerana menggugurkan perkataan 'kepatuhan' dan 'berkekalan'.

Calon menguasai penerangan nilai yang betul seperti contoh di bawah.

Susan seorang pengawas sekolah telah menahan rakan baiknya yang datang lewat ke sekolah. Dia tetap mencatat nama rakannya untuk diserahkan kepada guru disiplin.

Terangkan dua nilai yang telah diamalkan oleh Susan.

Nilai: Bertanggungjawab  
(Penerangan nilai yang betul)

Susan memikul tugas dan melaksanakan tugas.

Calon menulis penerangan yang lengkap iaitu mengandungi watak dan kata kunci.

Susan memikul tugas dan melaksanakan tugas sebagai pengawas dgn baik.

Calon menulis penerangan yang lengkap iaitu mengandungi watak, kata kunci dan situasi

Memikul tugas dan melaksanakan tugas sebagai pengawas dengan baik.

Calon menulis penerangan yang lengkap iaitu mengandungi kata kunci dan situasi.

(Penerangan nilai yang salah)

Susan mempunyai kesanggupan dan kewajipan dengan sempurna.

Penerangan yang salah kerana calon menulis watak tanpa kata kunci 'memikul tugas atau melaksanakan tugas'.

Memainkan peranan sebagai pengawas dengan baik.


Penerangan yang salah kerana calon menulis situasi tanpa kata kunci 'memikul tugas atau melaksanakan tugas'

### Calon Sederhana

Penguasaan nilai masih tepat tetapi kelemahan dikesan dalam menghuraikan nilai. Mereka menguasai maksud nilai tetapi tidak memberi huraian yang lengkap. Calon juga sukar membuat huraian lanjut untuk jawapan KBKK.

Contoh:

Berikut adalah kes juvana yang ditahan oleh pihak polis.



Huraikan nilai yang sepatutnya diamalkan oleh remaja tersebut.

Nilai: Harga Diri

Remaja harus mengamalkan nilai harga diri.
Meraka harus menjaga maruah diri.
Remaja juga perlu memulih maruah diri.

Calon menulis nilai dan penerangan yang betul.

Remaja harus bersopan santun.
Remaja juga harus bertingkah laku baik.

Calon menulis huraian yang salah kerana tidak berkaitan situasi salahlaku juvana.

Nilai : Mematuhi peraturan dan undang undang

Remaja perlu menerima dan mematuhi peraturan
dan undang-undang dengan mengelak diri
melakukan kes tersebut.

Hanya penerangan yang betul tetapi huraian tidak lengkap. Sepatutnya huraian calon seperti berikut: Remaja perlu menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang dengan mengelak diri melakukan kes tersebut yang salah di sisi undang-undang.

Contoh bagi calon yang sukar membuat huraian lanjut bagi jawapan KBKK

Masalah jerebu yang melanda beberapa buah negeri telah menyebabkan kerajaan mengisytiharkan darurat. Sehubungan dengan itu, beberapa buah sekolah telah ditutup.

Terangkan dua kesan jerebu.

Contoh jawapan:

i. Kesihatan terjejas.
ii. Industri pelancongan terjejas.

Calon gagal membuat huraian lanjut untuk kedua-dua jawapan di atas. Oleh itu calon gagal mendapat markah penuh. Jawapan calon sepatutnya menghuraikan kesan kesihatan terjejas dan kesan industri pelancongan terjejas seperti berikut:

- i. Kesihatan terjejas. Mengakibatkan sesak nafas kepada pesakit lelah.
- ii. Industri pelancongan terjejas. Pelancong kurang berkunjung menyebabkan pendapatan negara merosot.

### Calon Rendah

Calon tidak tahu menulis nilai, maksud dan penggunaannya mengikut kehendak soalan. Calon tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis (2M). Calon juga menulis jawapan yang langsung tidak berkaitan dengan soalan. Soalan KBKK tidak dijawab kerana penguasaan bahasa melayu calon yang lemah. Calon hanya menyalin semula soalan.

*Contoh : Rujuk stimulus dan soalan yang sama seperti Calon Tinggi.*

Contoh jawapan ;

<i>Remaja hemah diri. Memulia maruah diri.</i>

Calon menulis nilai yang salah, kerana tiada dalam Sukatan Pelajaran. Penerangan salah kerana umum atau memberi kata kunci sahaja. Sebenarnya jika nilai yang ditulis salah, penerangan yang betul tidak diberi markah.

**SARANAN KEPADA CALON:**

1. Membuat latihan untuk menguasai nilai dan maksud nilai.
2. Peka terhadap perkembangan semasa bagi memudahkan calon menjawab soalan KBKK.
3. Menggunakan pengetahuan kognitif pelbagai mata pelajaran dalam menjawab soalan struktur dan esei.
4. Calon digalakkan menggunakan buku teks tingkatan 4 dan 5 sebagai rujukan utama dalam proses PdP (Pengajaran dan pembelajaran).
5. Menjawab dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami.
6. Menjawab dengan menggunakan watak dalam situasi setiap soalan.

**SARANAN KEPADA GURU:**

1. Penggunaan buku teks sepenuhnya dan Sukatan Pelajaran yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan.
2. Guru perlu menghayati nilai dan maksud nilai dalam Sukatan Pelajaran
3. Latihan penghayatan nilai secara berterusan hendaklah diberi. Melengkapkan diri dengan perkembangan isu isu semasa.
4. Menyediakan latihan berfokus mengikut bidang pembelajaran.
5. Menyemak latihan dengan teliti dan mengadakan perbincangan dengan calon. Menguasai teknik penandaan secara analitikal.